

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**  
**KAWASAN : POKOK SENA**  
**TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kerajaan akan meneruskan konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan kepada Roadcare, Selia Senggara dan Belati Wangsa selepas tamat tempoh pada 2015.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pusat telah melantik 3 syarikat konsesi untuk menyelenggara Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, iaitu Roadcare Sdn. Bhd (zon Tengah dan Zon Timur), Belati Wangsa Sdn, Bhd. (zon Utara) dan Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. (zon Selatan). Tempoh konsesi untuk syarikat-syarikat konsesi berkenaan ialah selama 15 tahun, iaitu dari 16 Februari 2001 hingga 15 Februari 2016.

Setakat ini Kerajaan hanya telah memberikan kelulusan lanjutan tempoh kontrak kepada syarikat konsesi Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd., iaitu untuk tempoh 10 tahun lagi (tamat pada 15 Februari 2026). Manakala untuk konsesi Roadcare Sdn. Bhd. dan Belati Wangsa Sdn. Bhd. pula, Kerajaan setakat ini masih lagi belum membuat sebarang keputusan sama ada untuk menamatkan atau melanjutkan tempoh konsesi mereka.

Sekian. Terima kasih.